



**BUKU PERATURAN AKADEMIK
PROGRAM ASAS, DIPLOMA DAN SARJANA MUDA
(PINDAAN PERTAMA)**



Edisi Ketiga
(Pindaan Pertama)

Cetakan Kedua, Januari 2015
© UNISEL

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik)
Universiti Selangor

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini, sama ada tulisan atau ilustrasinya dalam apa jua bentuk teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Dicetak oleh:

Universiti Selangor

Muka surat 2 / 34

PRAKATA



Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, Universiti Selangor telah berjaya menerbitkan Buku Peraturan Akademik untuk panduan umum. Buku ini merangkumi polisi, prosedur dan peraturan akademik untuk membantu para pelajar dan staf akademik dalam merangka sistem pengajaran dan pembelajaran masing-masing. Diharap, segala maklumat yang terdapat di dalam buku ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin bagi merangka dan memperbaiki sistem akademik dan struktur-struktur yang berkaitan khususnya di universiti ini. Semoga dengan usaha yang gigih dan pembelajaran yang berkesan, serta sikap yang positif, pelajar-pelajar UNISEL akan dapat mencapai cita-cita murni mereka sebagai graduan cemerlang seterusnya menjadi ahli teknokrat yang cekap, berwawasan serta bertanggungjawab terhadap masyarakat dan Penciptanya.

Prof. Dr. Haji Anuar Bin Haji Ahmad
Presiden & Naib Canselor
Universiti Selangor

BAHAGIAN	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Prakata.....	3
	Isi Kandungan.....	4 - 5
1.0	TAKRIFAN.....	6 - 8
2.0	KALENDAR AKADEMIK.....	9 - 11
2.1	Kalendar Akademik	
2.2	Kalendar Pentadbiran Akademik	
3.0	KEMASUKAN.....	11 - 13
3.1	Syarat Umum Kelayakan Masuk Program	
3.2	Syarat dan Terma Kemasukan	
4.0	TEMPOH PENGAJIAN.....	13
4.1	Tempoh Pengajian	
5.0	PENDAFTARAN.....	14 - 16
5.1	Daftar Diri untuk Pelajar Semasa	
5.2	Pendaftaran Kursus Pelajar Baharu	
5.3	Pendaftaran Kursus Pelajar Semasa	
5.4	Pendaftaran bagi Memperbaiki Gred Kursus	
5.5	Pendaftaran Kursus Luar Program	
5.6	Pendaftaran Kursus Inter sesi	
5.7	Tambah Kursus	
5.8	Gugur Kursus	
6.0	PERTUKARAN PROGRAM.....	16
6.1	Pertukaran Program	
7.0	SISTEM KREDIT.....	17 - 21
7.1	Jumlah Kredit yang Dibenarkan	
7.2	Pengecualian Kursus (KK)	
7.3	Pemindahan Kredit (PK)	
8.0	SISTEM GRED.....	21 - 23
8.1	Skim Pemarkahan	
8.2	Gred Lulus Kursus	

9.0	PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN.....	24 - 29
9.1	Kaedah Penilaian	
9.2	Jadual Peperiksaan Akhir	
9.3	Semakan Jadual Peperiksaan Akhir	
9.4	Semakan Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir	
9.5	Syarat Menduduki Peperiksaan Akhir dan Melengkapkan Projek Ilmiah	
9.6	Peperiksaan Khas	
9.7	Peperiksaan Semula	
9.8	Keputusan Peperiksaan	
9.9	Kedudukan Akademik	
9.10	Rayuan Semakan Semula Keputusan Gred Kursus	
9.11	Rayuan Meneruskan Pengajian	
9.12	Transkrip dan Sijil	
10.0	PENYELEWENGAN AKADEMIK.....	29
10.1	Penyelewengan Akademik	
10.2	Tindakan Penyelewengan Akademik	
11.0	STATUS PENGAJIAN.....	29 - 32
11.1	Tangguh	
11.2	Berhenti	
11.3	Diberhentikan	
11.4	Disingkirkan	
11.5	Digantung	
11.6	Tidak Aktif Sementara	
11.7	Lengkap	
11.8	Bergraduat	
11.9	Tidak Aktif	
11.10	Praktikal	
12.0	BERGRADUAT.....	32 - 33
12.1	Syarat-syarat Bergraduat Universiti	
12.2	Kelas Ijazah	
13.0	PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM.....	33
13.1	Peruntukan Am	
	SENARAI JADUAL.....	34

BAHAGIAN TAJUK**1.0 TAKRIFAN**

Terminologi dalam Peraturan ini digunakan mengikut takrifan berikut, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain.

"Aktif" adalah status pelajar yang telah melakukan Daftar Diri dalam tempoh yang ditetapkan.

"Bergraduat" adalah status pelajar yang telah pun diperakukan oleh Senat untuk bergraduat.

"Berhenti" adalah status pelajar yang diluluskan oleh Universiti untuk berhenti pengajian.

"Daftar Diri" adalah proses pendaftaran diri pelajar pada setiap semester.

"Dekan" adalah ketua fakulti yang dilantik oleh Naib Canselor.

"Diberhentikan" adalah status pelajar yang diberhentikan kerana: tidak mencapai tahap lulus dalam pengajian; atau telah melebihi tempoh maksimum pengajian; atau gagal melakukan Daftar Diri di bawah Prosedur Daftar Diri Pelajar Semasa; atau tidak memenuhi syarat kelayakan masuk.

"Digantung" adalah status pelajar yang digantung pengajian dalam tempoh tertentu di bawah Peraturan Tatatertib Pelajar.

"Disingkirkan" adalah status pelajar yang dibuang daripada Universiti di bawah Peraturan Tatatertib Pelajar.

"Fakulti" adalah mana-mana fakulti di Universiti termasuk pusat pengajian, sekolah dan institut.

"Gred" adalah suatu nilai dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.

"Gred Sementara" adalah gred yang diberikan bagi kes di bawah Peraturan Tatatertib Pelajar atau Peraturan Akademik.

"Hasil Akademik" adalah apa-apa bahan yang diiktiraf untuk penilaian akademik.

"HPNG" adalah Himpunan Purata Nilai Gred yang diperoleh bagi semua semester yang telah diikuti.

"Intersesi" adalah sesi pembelajaran selama tujuh minggu bagi program yang tidak mempunyai semester pendek dalam struktur pengajian dan ditawarkan kepada pelajar yang ingin mengulang kursus dan/atau memperbaiki gred kursus sahaja.

"Institusi" adalah penyedia pendidikan tinggi awam atau swasta dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

"Jam Temu" adalah jumlah jam rasmi berinteraksi dalam jam pengajaran berjadual sama ada dalam bentuk bersemuka atau dalam talian.

"Kredit" adalah ukuran kuantitatif yang menggambarkan beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran.

"Kredit Dapat" adalah jumlah kredit yang diperoleh bagi kursus yang lulus.

"Kredit Diambil" adalah jumlah kredit yang diambil sepanjang pengajian.

"Kredit Kira" adalah jumlah kredit yang diambil kira dalam pengiraan PNG dan HPNG untuk tujuan pengijazahan.

"Kurikulum" adalah gabungan aktiviti pendidikan yang dilakukan dalam proses pembelajaran yang dirancang khusus dari segi matlamat, objektif dan hasil pembelajaran.

"Kursus" adalah komponen kurikulum program yang mempunyai kod tersendiri.

"Latihan Industri", "Latihan Klinikal", "Praktikum" adalah latihan amali yang dijalankan di industri atau organisasi bagi memenuhi keperluan program.

"Lembaga Akademik Fakulti" adalah sebuah lembaga yang ditubuhkan oleh fakulti bagi semua urusan berkaitan hal ehwal akademik di fakulti.

"Lengkap" adalah status pelajar yang memenuhi jumlah jam kredit bergraduat.

"Maklumat Kursus" adalah maklumat lengkap sesuatu kursus yang disusun atur untuk mencapai hasil pembelajaran kursus dan program sesuai dengan tahap pengajian.

"Nilai Gred" adalah suatu nilai dalam bentuk angka bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.

"Pelajar" adalah individu yang mendaftar dan menuntut di Universiti sama ada secara Sepenuh Masa, Separuh Masa atau Pendidikan Jarak Jauh (PJJ).

"Pelajar Antarabangsa" adalah pelajar bukan warganegara Malaysia yang menuntut di Universiti .

"Pelajar Baharu" adalah pelajar tahun pertama semester pertama.

"Pelajar Semasa" adalah pelajar yang telah mengikuti sekurang-kurangnya satu semester pengajian di Universiti dan layak melakukan Daftar Diri di bawah Prosedur Daftar Diri Pelajar Semasa.

"Pemindahan Kredit" adalah proses memindahkan kredit bagi kursus yang telah diikuti oleh pelajar dalam program terdahulu ke program semasa berdasarkan Prosedur Pemindahan Kredit.

"Pengajian Separuh Masa" adalah mod pengajian akademik Universiti dengan bilangan kredit kursus yang didaftar oleh pelajar bagi satu semester kurang daripada kredit minimum yang ditetapkan.

"Pengajian Sepenuh Masa" adalah mod pengajian akademik Universiti dengan bilangan kredit kursus yang didaftar oleh pelajar bagi satu semester tidak kurang daripada kredit minimum yang ditetapkan, kecuali bagi pelajar yang Kedudukan Bersyarat atau pelajar yang berada dalam semester akhir pengajian.

"Pengecualian Kursus" adalah proses mengecualikan seseorang pelajar daripada mengambil kursus dalam program semasa berdasarkan Prosedur Pengecualian Kursus.

"PNG" adalah Purata Nilai Gred yang diperoleh dalam sesuatu semester.

"Praktikal" adalah status pelajar yang menjalani Latihan Industri/Latihan Klinikal/Praktikum melangkaui satu semester.

"Prasyarat" adalah keperluan lulus kursus tertentu bagi sesuatu program pengajian sebelum dibenarkan mengambil kursus lain yang ditetapkan Fakulti.

"Program" adalah jenis pengajian yang dikendalikan oleh Universiti di peringkat Asas, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.

"Projek Ilmiah" adalah kursus-kursus yang tiada peperiksaan akhir.

"Semester" adalah sesi pembelajaran berdasarkan Kementerian Pendidikan Malaysia.

"Semester Panjang" adalah sesi pembelajaran selama 14 minggu berdasarkan kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia.

"Semester Pendek" adalah sesi pembelajaran selama tujuh minggu berdasarkan kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia.

"Senat" adalah Senat Universiti Selangor.

"Syarat Khusus" adalah syarat kelayakan masuk tambahan untuk sesuatu program yang diluluskan Kementerian Pendidikan Malaysia.

"Syarat Umum" adalah syarat kelayakan masuk untuk sesuatu program yang diluluskan Kementerian Pendidikan Malaysia.

"Tangguh" adalah status pelajar yang diluluskan oleh Universiti untuk tangguh pengajian.

"Tempoh Pemastautin" adalah tempoh pengajian minimum yang perlu diikuti oleh pelajar yang bertukar program daripada institusi lain.

"Tidak Aktif" adalah status pelajar yang tidak melakukan Daftar Diri dalam tempoh yang ditetapkan.

"Tidak Aktif Sementara" adalah status pelajar yang tidak melakukan Daftar Diri kerana kursus tidak ditawarkan pada semester berkenaan tertakluk kepada struktur program yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

"Universiti" adalah Universiti Selangor.

2.0 KALENDAR AKADEMIK

- 2.1 Kalendar Akademik Universiti merangkumi Struktur Pembelajaran Universiti terdiri daripada Semester Panjang dan Semester Pendek/Intersesi tertakluk kepada Struktur Program tertentu seperti Jadual 2.1 (i) dan 2.1 (ii) di bawah.

Jadual 2.1 (i) : Struktur Pembelajaran Program Asas

Semester Panjang	
Kuliah	13 minggu
Peperiksaan Akhir	1 minggu
Jumlah	14 minggu

Jadual 2.1 (ii) : Struktur Pembelajaran Program Diploma dan Sarjana Muda

Semester Panjang	
Kuliah	14 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Peperiksaan Akhir	2 minggu
Jumlah	17 minggu
Semester Pendek/Intersesi	
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan Akhir	1 minggu
Jumlah	8 minggu

2.2 Kalendar Pentadbiran Akademik

- 2.2.1 Kalendar Pentadbiran Akademik memaparkan aktiviti akademik Universiti bagi setiap semester di portal pelajar.
- 2.2.2 Pelajar **WAJIB** menyemak dan mengambil maklum berhubung tempoh setiap aktiviti akademik Universiti dari semasa ke semasa.

Jadual 2.2 (i) : Kalendar Pentadbiran Akademik Program Asas

Bil.	Aktiviti	Minggu
1	Mesyuarat Senat	Minggu 3 Cuti Semester
2	Pengumuman Keputusan Peperiksaan Akhir	Sehari Selepas Mesyuarat Senat
3	Peperiksaan Khas	Minggu Kuliah 1 - 2
4	Daftar Diri untuk Pelajar Semasa	Selepas Mesyuarat Senat sehingga hari kedua Minggu Kuliah 1
5	Permohonan Rayuan Meneruskan Pengajian	Selepas Mesyuarat Senat sehingga hari ketiga Minggu Kuliah 1

6	Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Akademik Universiti	Minggu Kuliah 1
7	Keputusan Rayuan Meneruskan Pengajian	Minggu Kuliah 2
8	Pertukaran Program Pengajian	Minggu Kuliah 1
9	Tambah dan Gugur Kursus	Minggu Kuliah 1 - 2
10	Daftar Diri Lewat Berdenda	Minggu Kuliah 1 - 2
11	Tanggung Pengajian	Minggu Kuliah 1 - 9
12	Penilaian Kursus Pengajaran Pensyarah	Minggu Kuliah 5 - 7 dan Minggu Kuliah 11 - 13
13	Pendaftaran Kursus	Minggu Kuliah 12 - 13
14	Semakan Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir	Minggu Kuliah 12 - 13
15	Gugur Kursus Berdenda	Minggu Kuliah 3 - 9
16	Peperiksaan Akhir	Minggu Kuliah 14

Jadual 2.2 (ii) : Kalendar Pentadbiran Akademik Program Diploma dan Sarjana Muda

Bil.	Aktiviti	Minggu	
		Semester Panjang	Semester Pendek
1	Mesyuarat Senat	Minggu 3 Cuti Semester	Minggu 3 Cuti Semester
2	Pengumuman Keputusan Peperiksaan Akhir	Sehari Selepas Mesyuarat Senat	Sehari Selepas Mesyuarat Senat
3	Peperiksaan Khas	Minggu Kuliah 1 - 2	Minggu Kuliah 1 - 2
4	Daftar Diri untuk Pelajar Semasa	Selepas Mesyuarat Senat sehingga hari kedua Minggu Kuliah 1	Selepas Mesyuarat Senat sehingga hari kedua Minggu Kuliah 1
5	Permohonan Rayuan Meneruskan Pengajian	Selepas Mesyuarat Senat sehingga hari ketiga Minggu Kuliah 1	Selepas Mesyuarat Senat sehingga hari ketiga Minggu Kuliah 1
6	Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Akademik Universiti	Minggu Kuliah 1	Minggu Kuliah 1
7	Keputusan Rayuan Meneruskan Pengajian	Minggu Kuliah 2	Minggu Kuliah 2

8	Pertukaran Program Pengajian	Minggu Kuliah 1	Minggu Kuliah 1
9	Tambah dan Gugur Kursus	Minggu Kuliah 1 - 2	Minggu Kuliah 1
10	Daftar Diri Lewat Berdenda	Minggu Kuliah 1 - 2	Minggu Kuliah 1
11	Tanggung Pengajian	Minggu Kuliah 1 - 9	Minggu Kuliah 1 - 5
12	Penilaian Kursus Pengajaran Pensyarah	Minggu Kuliah 5 - 7 dan Minggu Kuliah 12 - 14	Tidak berkenaan
13	Pendaftaran Kursus	Minggu Kuliah 13 - 14	Minggu Kuliah 6 - 7
14	Semakan Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir	Minggu Kuliah 13 - 14	Minggu Kuliah 6 - 7
15	Gugur Kursus Berdenda	Minggu Kuliah 3 - 9	Minggu Kuliah 2 - 5
16	Peperiksaan Akhir	Minggu Kuliah 15 - 16	Minggu Kuliah 8

3.0 KEMASUKAN

3.1 Syarat Umum Kelayakan Masuk Program

3.1.1 Tawaran kemasukan adalah tertakluk kepada syarat kelayakan masuk yang diluluskan Kementerian Pendidikan Malaysia seperti di Jadual 3.1.

3.1.2 Kelayakan masuk boleh berubah dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan syarat Gred/CGPA/Pengkhususan kursus/sebarang syarat berkaitan dalam bidang pengajian tertentu yang tertakluk kepada Surat Kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)/Standard Program dan Badan-Badan Profesional yang berkenaan.

3.1.3 Sekiranya syarat kelayakan masuk berbeza dengan syarat kelayakan masuk dalam standard program, maka syarat kelayakan masuk yang lebih tinggi akan terpakai.

Jadual 3.1 : Syarat Umum Kelayakan Masuk Mengikut Peringkat Pengajian

BIL	TAHAP PENGAJIAN (MQF)	SYARAT KELAYAKAN MASUK
1.	Tahun Asas	(i) Lulus SPM/SPMV dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 5 kursus; atau (ii) Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 3 kursus; atau

		<p>(iii) Lulus O-Level dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam 5 kursus; atau</p> <p>(iv) Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.</p>
2.	Diploma	<p>(i) Lulus SPM/SPMV dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 3 kursus; atau</p> <p>(ii) Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 3 kursus; atau</p> <p>(iii) Lulus O-Level dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam 3 kursus; atau</p> <p>(iv) Lulus SKM tahap 3 dalam bidang berkaitan; dan</p> <p style="padding-left: 40px;">a. lulus SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 1 kursus; dan</p> <p style="padding-left: 40px;">b. melalui program pengukuhan (sekiranya perlu); atau</p> <p>(v) Lulus Sijil Kolej Komuniti yang setara dengan tahap 3 MQF dalam bidang berkaitan; dan</p> <p style="padding-left: 40px;">a. lulus SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 1 kursus; dan</p> <p style="padding-left: 40px;">b. melalui program pengukuhan (sekiranya perlu); atau</p> <p>(vi) Lulus sijil (tahap 3 MQF) dalam bidang berkaitan dengan mendapat sekurang-kurangnya HPNG 2.00; atau</p> <p>(vii) Lulus STPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.0) dalam 1 kursus; atau</p> <p>(viii) Lulus STAM (pangkat maqbul); atau</p> <p>(ix) Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.</p>
3.	Sarjana Muda	<p>(i) Lulus STPM atau setara dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam 2 kursus; atau</p> <p>(ii) Lulus STAM (pangkat jayyid); atau</p> <p>(iii) Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam 5 kursus; atau</p>

		<p>(iv) Lulus Matrikulasi/Asas dari mana-mana IPTA/IPTS/Institusi yang dibenar menawarkan program Matrikulasi/Asas dengan mendapat HPNG 2.00; atau</p> <p>(v) Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya HPNG 2.00; atau</p> <p>(vi) Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.</p>
--	--	--

3.2 Syarat dan Terma Kemasukan

3.2.1 Pengesahan sijil-sijil akademik asal.

3.2.2 Menepati syarat umum dan khusus kemasukan.

3.2.3 Tidak terlibat dengan masalah penipuan, disiplin atau disabitkan kesalahan jenayah.

4.0 TEMPOH PENGAJIAN

4.1 Tempoh Pengajian

4.1.1 Tempoh pengajian mengikut peringkat pengajian adalah berdasarkan ketetapan pada Jadual 4.1 di bawah:-

Jadual 4.1 : Tempoh Pengajian*

Peringkat Pengajian	Kredit Minimum	Tempoh Minimum (Tahun)		Tempoh Maksimum (Tahun)	
		Sepenuh Masa	Separuh Masa	Sepenuh Masa	Separuh Masa
Asas	50	1	-	2	-
Diploma	90	2	4	5	10
Sarjana Muda	120	3	6	6	12

Nota : * Tertakluk kepada program pengajian dan syarat bergraduasi.

4.1.2 Pelajar perlu mengikuti pengajian tidak kurang daripada tempoh minimum yang ditetapkan bagi setiap program.

4.1.3 Pelajar yang telah mencapai tempoh pengajian maksimum tetapi belum bergraduasi perlulah mengikuti struktur program terkini sebelum tamat pengajian tertakluk pada kelulusan Senat.

5.0 PENDAFTARAN

5.1 Daftar Diri untuk Pelajar Semasa

- 5.1.1 Pelajar Semasa **WAJIB** Daftar Diri pada permulaan setiap semester dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.
- 5.1.2 Daftar Diri bagi pelajar semasa dijalankan secara dalam talian melalui portal pelajar.
- 5.1.3 Pelajar Semasa yang lewat Daftar Diri akan dikenakan denda mengikut Jadual 5.1 (i) dan 5.1 (ii).
- 5.1.4 Pelajar Semasa yang gagal melakukan Daftar Diri dalam tempoh ditetapkan akan diberhentikan daripada pengajian.

Jadual 5.1 (i) : Denda Lewat Daftar Diri bagi Semester Panjang

Minggu Kuliah	Denda
1 – 2	RM20.00 dan tambahan RM5.00 bagi setiap satu (1) hari lewat tertakluk kepada jumlah maksimum keseluruhan RM200.00

Jadual 5.1 (ii) : Denda Lewat Daftar Diri bagi Semester Pendek

Minggu Kuliah	Denda
1	RM20.00 dan tambahan RM5.00 bagi setiap satu (1) hari lewat tertakluk kepada jumlah maksimum keseluruhan RM200.00

5.2 Pendaftaran Kursus Pelajar Baharu

- 5.2.1 Pelajar baharu akan didaftarkan dengan kursus-kursus tahun pertama semester pertama secara automatik mengikut program masing-masing.
- 5.2.2 Pelajar baharu **WAJIB** menyemak dan membuat pengesahan pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan seterusnya mencetak Slip Pengesahan Pendaftaran Kursus.

5.3 Pendaftaran Kursus Pelajar Semasa

- 5.3.1 Pelajar **WAJIB** membuat pendaftaran kursus bagi semester berikutnya melalui portal pelajar mengikut tempoh yang ditetapkan di Kalendar Pentadbiran Akademik.
- 5.3.2 Pelajar dibenarkan membuat pendaftaran kursus tertakluk kepada jumlah kredit yang dibenarkan seperti di **Jadual 7.1**.
- 5.3.3 Pelajar yang gagal membuat pendaftaran kursus akan dikenakan denda RM5.00 setiap hari dengan denda maksimum RM200.00 bagi setiap kursus.

- 5.3.4 Pelajar **WAJIB** menyemak dan membuat pengesahan pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan seterusnya mencetak Slip Pengesahan Pendaftaran Kursus.
- 5.4 Pendaftaran bagi Memperbaiki Gred Kursus
- 5.4.1 Pelajar dibenarkan memperbaiki gred kursus bagi mana-mana kursus dengan mendaftar semula kursus berkenaan dalam tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada keputusan Fakulti.
- 5.4.2 Gred terbaik bagi kursus yang diulang akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan HPNG.
- 5.5 Pendaftaran Kursus Luar Program
- 5.5.1 Pelajar dibenarkan mendaftar kursus yang tidak disenaraikan dalam Struktur Program tertakluk kepada kelulusan Fakulti.
- 5.5.2 Gred bagi kursus tersebut akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan HPNG.
- 5.5.3 Kredit bagi kursus tersebut tidak akan diambil kira dalam jam kredit bergraduat.
- 5.6 Pendaftaran Kursus Interseksi
- 5.6.1 Pelajar yang tidak mempunyai Semester Pendek di dalam Struktur Pengajian adalah dibenarkan membuat pendaftaran kursus dalam tempoh minggu pertama kuliah bagi situasi berikut :-
- i) Mengulang kursus
 - ii) Memperbaiki gred kursus
- 5.7 Tambah Kursus
- 5.7.1 Pelajar dibenarkan Tambah Kursus sehingga minggu kedua bagi Semester Panjang dan minggu pertama bagi Semester Pendek.
- 5.7.2 Tambah kursus tertakluk kepada jumlah kredit yang dibenarkan seperti di **Jadual 7.1**.
- 5.8 Gugur Kursus
- 5.8.1 Pelajar dibenarkan Gugur Kursus sehingga minggu kedua bagi Semester Panjang dan minggu pertama bagi Semester Pendek.
- 5.8.2 Pelajar dibenarkan Gugur Kursus dengan denda sehingga minggu kesembilan kuliah bagi Semester Panjang dan minggu keempat kuliah bagi Semester Pendek seperti di Jadual 5.8 (i) dan 5.8 (ii).

5.8.3 Gugur kursus tertakluk kepada jumlah kredit yang dibenarkan seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 5.8 (i) : Denda Gugur Kursus bagi Semester Panjang

Minggu Kuliah	Denda
1 – 2	Tanpa denda
3 – 9	RM30 + prorata yuran pengajian setiap satu kursus yang digugurkan

Jadual 5.8 (ii) : Denda Gugur Kursus bagi Semester Pendek

Minggu Kuliah	Denda
1	Tanpa denda
2 – 4	RM30 + prorata yuran pengajian setiap satu kursus yang digugurkan

5.10.3 Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Denda} &= \text{Bayaran Proses} + \text{Prorata Yuran Pengajian Kursus}^* \\ * \text{ Prorata Yuran Pengajian Kursus} &= \text{Jam Kredit} \times \text{Yuran Pengajian perkredit} \times \frac{\text{Bilangan Minggu Kuliah}}{\text{Jumlah Minggu Kuliah}} \\ \text{Jumlah Denda} &= \text{RM30.00} + (3 \times \text{RM150.00} \times 9/14) = \text{RM319.28} \end{aligned}$$

6.0 PERTUKARAN PROGRAM

6.1 Pertukaran Program

- 6.1.1 Pertukaran program hendaklah dibuat dalam tempoh minggu pertama kuliah.
- 6.1.2 Kedudukan akademik pelajar bagi program terdahulu adalah tidak dalam Kedudukan Gagal (KG).
- 6.1.3 Bayaran proses pertukaran program adalah RM100.00 bagi pelajar tempatan dan RM1,000.00 bagi pelajar antarabangsa.
- 6.1.4 Pelajar hendaklah memenuhi syarat kemasukan bagi program yang dipohon.
- 6.1.5 Pelajar yang telah diluluskan untuk pertukaran program perlu mendaftar seperti pelajar baharu.
- 6.1.6 Bagi Pelajar Antarabangsa pertukaran program adalah tertakluk kepada syarat dan kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Malaysia.

7.0 SISTEM KREDIT

7.1 Jumlah Kredit yang Dibenarkan

- 7.1.1 Pelajar **WAJIB** melakukan pendaftaran kursus mengikut jumlah kredit yang dibenarkan seperti **Jadual 7.1**.
- 7.1.2 Pendaftaran jumlah kredit yang kurang daripada had minimum atau melebihi had maksimum adalah dengan kebenaran Dekan tertakluk kepada dasar Agensi Kelayakan Malaysia.

Jadual 7.1 : Jumlah Kredit yang Dibenarkan

Mod Pengajian Pelajar	Semester Panjang		Semester Pendek	
	Kredit Minimum	Kredit Maksimum	Kredit Minimum	Kredit Maksimum
Sepenuh Masa	12	18	2	9
Separuh Masa	3	9	Tiada	3

7.2 Pengecualian Kursus

- 7.2.1 Pelajar boleh memohon pengecualian kursus dalam tempoh **TAHUN PERTAMA** pengajian sahaja.
- 7.2.2 Pelajar perlu mengganti kursus yang diberi pengecualian dengan kursus lain yang setara bagi memenuhi keperluan kredit bergraduat.
- 7.2.3 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus yang telah diberikan Pengecualian Kursus.
- 7.2.4 Pelajar tidak dibenarkan memohon Pengecualian Kursus bagi kursus yang telah diikuti dalam program semasa.
- 7.2.5 Pengecualian Kursus hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus (*course to course mapping*).
- 7.2.6 Pengecualian Kursus boleh dilakukan dengan menggabungkan dua (2) kursus untuk mencapai kesetaraan kurikulum dengan kursus yang dipohon.
- 7.2.7 Gred minimum bagi kedua-dua kursus yang digabungkan adalah C+ dengan nilai gred minima 2.50.
- 7.2.8 Jumlah Kredit hasil gabungan kedua-dua kursus mestilah sama atau lebih daripada kursus yang hendak diberikan Pengecualian Kursus.

7.2.9 Syarat-syarat Pengecualian Kursus

- i) Kedudukan akademik bagi program terdahulu adalah tidak gagal, sama ada dalam Kedudukan Cemerlang (KC), Baik (KB) atau Bersyarat (KS);
- ii) Kesetaraan kurikulum antara kursus yang hendak diberi Pengecualian Kursus dengan kursus yang dibuat perbandingan hendaklah sekurang-sekurangnya 80%;
- iii) Kursus yang dibuat perbandingan perlu mencapai sekurang-kurangnya gred C+ dengan nilai gred 2.50;
- iv) Jumlah kredit kursus yang dibuat perbandingan mestilah setara atau lebih tinggi daripada kursus yang hendak diberi Pengecualian Kursus;
- v) Program terdahulu telah mendapat Perakuan Akreditasi;
- vi) Kelayakan akademik yang boleh dipertimbangkan mestilah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh tamat pengajian;

7.2.10 Semua kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat lain Fakulti dan diperakukan oleh Senat.

7.3 Pemindahan Kredit

- 7.3.1 Pelajar boleh memohon Pemindahan Kredit bagi memindahkan kredit kursus yang telah diikuti sewaktu program terdahulu ke program semasa dalam tempoh **TAHUN PERTAMA** pengajian sahaja.
- 7.3.2 Jumlah kredit, gred dan nilai gred bagi kursus yang dipindahkan dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit bergraduat bagi program semasa.
- 7.3.3 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus yang telah diberikan Pemindahan Kredit.
- 7.3.4 Pelajar tidak dibenarkan memohon Pemindahan Kredit bagi kursus yang telah diikuti dalam program semasa.
- 7.3.5 Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus (*course to course mapping*).
- 7.3.6 Pemindahan kredit boleh dilakukan dengan menggabungkan dua (2) kursus untuk mencapai kesetaraan kurikulum.
- 7.3.7 Gred minimum bagi kedua-dua kursus yang digabungkan adalah C+ dengan nilai gred minima 2.50.

- 7.3.8 Jumlah Kredit hasil gabungan kedua-dua kursus mestilah sama atau lebih daripada kursus yang hendak diberikan Pengecualian Kursus.
- 7.3.9 Gred dan nilai gred adalah dikira berdasarkan gred dan nilai gred terendah diantara dua kursus yang digabungkan.
- 7.3.10 Syarat-syarat Pemindahan Kredit:-
- i) Kedudukan akademik pelajar bagi program terdahulu adalah tidak dalam Kedudukan Gagal (KG);
 - ii) Kesetaraan kurikulum antara kursus yang hendak diberi Pemindahan Kredit dan kursus yang dibuat perbandingan hendaklah sekurang-sekurangnya 80%;
 - iii) Kursus yang dibuat perbandingan perlu mencapai sekurang-kurangnya gred C+ dengan nilai gred 2.50;
 - iv) Jumlah kredit kursus yang dibuat perbandingan mestilah setara atau lebih tinggi daripada kursus yang hendak diberi Pemindahan Kredit;
 - v) Kursus yang dibuat perbandingan mestilah daripada program yang mendapat akreditasi;
 - vi) Kelayakan akademik yang boleh dipertimbangkan mestilah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh tamat pengajian;
- 7.3.11 Pemindahan kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut:
- i) *Vertical* iaitu Pemindahan Kredit dari peringkat pengajian yang rendah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi seperti dari diploma ke sarjana muda;
 - ii) *Horizontal* iaitu Pemindahan Kredit dari program di peringkat pengajian yang sama seperti dari diploma ke diploma dan sarjana muda ke sarjana muda.
- 7.3.12 Dasar pemindahan kredit secara *Vertical* adalah seperti berikut:
- i) Pemindahan Kredit daripada sijil ke diploma adalah **TIDAK DIBENARKAN**;
 - ii) Pemindahan Kredit daripada peringkat pengajian yang lebih tinggi ke peringkat pengajian yang lebih rendah seperti sarjana muda ke diploma adalah **TIDAK DIBENARKAN**;

- iii) Pemindahan Kredit daripada diploma lanjutan yang turut memiliki diploma ke sarjana muda boleh dipertimbangkan sehingga maksimum dua tahun pengajian program sarjana muda;
- iv) Pemindahan Kredit adalah tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit program pengajian yang sedang diikuti dan ianya adalah berdasarkan persetujuan antara kedua-dua institusi.
- v) Pemindahan Kredit tidak melibatkan pemindahan gred dan nilai gred;
- vi) Nama kursus dan jumlah kredit perlu dinyatakan di dalam transkrip;
- vii) Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) dikira berdasarkan baki kursus yang tidak terlibat dengan Pemindahan kredit.

7.3.13 Dasar pemindahan kredit secara *Horizontal* adalah seperti berikut:

- i) Pemindahan kredit adalah **DIBENARKAN** bagi situasi berikut:-
 - a) Pelajar yang sedang mengikuti program dan ingin menukar program lain dalam bidang yang sama dengan program yang sedang diikuti;
 - b) Pelajar yang berhenti belajar daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi di dalam program lain di peringkat yang sama;
 - c) Pelajar yang sedang mengikuti sesuatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus di institusi yang lain (contoh program mobiliti atau program pertukaran pelajar). Pemindahan kredit maksimum adalah sebanyak 30% daripada jumlah jam kredit program yang sedang diikuti.
- ii) Tiada had Pemindahan Kredit tertakluk kepada syarat Pemindahan Kredit sekiranya program tersebut diambil di institusi yang sama.
- iii) Pemindahan Kredit adalah tertakluk kepada **SYARAT PEMASTAUTIN** seperti berikut sekiranya program yang ingin diikuti di Institusi yang berbeza:
 - a) Mengikuti tempoh pemastautin di institusi yang menganugerahkan kelayakan dalam tempoh satu (1) tahun bagi sarjana muda dan satu (1) semester bagi diploma;
 - b) Jumlah kredit minimum yang perlu diambil dalam Tempoh Pemastautin adalah berdasarkan jumlah kredit minimum bagi setiap semester.

- iv) Pemindahan Kredit melibatkan pemindahan gred dan nilai gred.
- v) Nama kursus, jumlah kredit, gred dan nilai gred perlu dinyatakan secara jelas di dalam transkrip pelajar.
- vi) Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) dikira bersekali dengan kursus yang diberi Pemindahan Kredit.
- vii) Pemindahan kredit adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi situasi seperti berikut:-
 - a) Pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pengajian kali kedua dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki;
 - b) Pelajar yang gagal program dan ingin melanjutkan pengajian dalam program yang lain di peringkat yang sama.

7.3.14 Semua kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat lain Fakulti dan diperakukan oleh Senat.

7.3.15 Setiap kursus yang dipohon untuk diberi Pemindahan Kredit akan dikenakan yuran proses sebanyak RM10.00.

7.3.16 Setiap kursus yang diluluskan untuk diberi Pemindahan Kredit akan dikenakan bayaran sebanyak 10% daripada yuran pengajian bagi kursus tersebut.

8.0 SISTEM GRED

8.1 Skim Pemarkahan adalah seperti di Jadual 8.1:

Jadual 8.1 : Skim Pemarkahan

Markah	Gred	Nilai Gred	Status
90 – 100	A+	4.00	Amat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.75	Cemerlang
70 – 74	B+	3.50	Sangat Baik
65 – 69	B	3.00	Baik
60 – 64	B-	2.75	Baik
55 – 59	C+	2.50	Memuaskan
50 – 54	C	2.00	Memuaskan
47 – 49	C-	1.75	Lemah
44 – 46	D+	1.50	Lemah
40 – 43	D	1.00	Lemah
30 – 39	E	0.75	Gagal
0 – 29	F	0.00	Gagal

65 – 100	AP	Tiada	Lulus
0 – 64	AF	Tiada	Gagal

8.1.1 Selain daripada gred seperti di **Jadual 8.1**, gred berikut juga digunakan:

8.1.1.1 Gred IP (Sedang Maju)

- i) Gred sementara yang diberi kepada kursus berbentuk Projek Ilmiah, Latihan Industri, Latihan Klinikal, Praktikum, yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh satu (1) semester.
- ii) Tempoh gred adalah tidak melebihi satu (1) semester berikutnya. Sekiranya pelajar tidak menyiapkan Projek Ilmiah, Latihan Industri, Latihan Klinikal, Praktikum, dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar akan diberi Gred F.
- iii) Pelajar yang mempunyai kursus dengan Gred IP tidak perlu mendaftar kursus tersebut pada semester berikutnya.
- iv) Gred IP akan diganti dengan gred sebenar kursus selepas pelajar menyiapkan Projek Ilmiah, Latihan Industri, Latihan Klinikal, Praktikum.
- v) Yuran kursus tersebut dikira pada semester kursus didaftarkan.

8.1.1.2 Gred IC (Tidak Lengkap)

- i) Gred sementara yang diberi kepada kursus yang diambil oleh pelajar yang gagal menduduki peperiksaan akhir dengan sebab-sebab yang telah diluluskan oleh Lembaga Akademik Fakulti seperti berikut:
 - a. Masalah kesihatan.
 - b. Kes kematian keluarga terdekat.
 - c. Perkara di luar jangkauan.
- ii) Gred IC akan diganti dengan gred sebenar kursus selepas pelajar menduduki Peperiksaan Khas.
- iii) Gred F akan diberikan sekiranya pelajar gagal menduduki Peperiksaan Khas.

8.1.1.3 Gred X

- i) Gred sementara bagi kes di bawah Peraturan Tatatertib Pelajar.
- ii) Gred X akan diganti dengan gred sebenar berdasarkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.

8.1.1.4 Gred Y

- i) Gred sementara bagi pelajar yang tidak memenuhi 80% jam temu yang ditentukan bagi sesuatu kursus.
- ii) Nilai gred adalah bersamaan 0.00.
- iii) Gred Y akan diganti dengan Gred F selepas diperakukan oleh Senat.

8.1.1.5 Gred Z

- i) Gred sementara bagi pelajar yang gagal menduduki peperiksaan akhir tanpa sebab-sebab yang diluluskan oleh Lembaga Akademik Fakulti (LAF).
- ii) Nilai gred adalah bersamaan 0.00.
- iii) Gred Z akan diganti dengan Gred F selepas diperakukan oleh Senat.

8.2 Gred Lulus Kursus

8.2.1 Gred Lulus Kursus adalah seperti Jadual 8.2.

Jadual 8.2 : Gred Lulus Kursus

Pecahan Klasifikasi	Gred	Nilai Gred
Modul Wajib	C	2.00
Modul Teras	D	1.00
Modul Pengkhususan (Teras Disiplin)	C	2.00
Modul Elektif	D	1.00
Latihan Industri	B	3.00
	AP/AF	Tiada

9.0 PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

9.1 Kaedah Penilaian

Pencapaian setiap kursus dinilai menggunakan gred dan nilai gred berasaskan jumlah markah yang diperolehi dalam kerja kursus dan peperiksaan akhir KECUALI kursus yang tiada peperiksaan akhir.

9.1.1 Kerja Kursus

Setiap pelajar akan dinilai kerja kursusnya secara berterusan dalam tempoh minggu kuliah sesuatu semester mengikut kaedah yang ditentukan Fakulti.

9.1.2 Peperiksaan Akhir

Semua pelajar wajib menduduki peperiksaan akhir. Pelajar yang tidak hadir akan diberi nilai gred 0.00 tanpa mengambil kira markah kerja kursus.

9.2 Jadual Peperiksaan Akhir

9.2.1 Jadual peperiksaan akhir dikeluarkan oleh Universiti dan sebarang pindaan tertakluk kepada kelulusan Universiti.

9.2.2 Sekiranya berlaku pertindihan kursus dalam Jadual Peperiksaan Akhir Muktamad, pelajar wajib memaklumkan kepada Fakulti dalam tempoh seminggu sebelum peperiksaan bermula.

9.3 Semakan Jadual Peperiksaan Akhir

9.3.1 Pelajar WAJIB menyemak jadual peperiksaan akhir sebelum menduduki peperiksaan. Tiada peperiksaan gantian akan dibuat bagi sebarang kecuaihan pelajar.

9.4 Semakan Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir

9.4.1 Pelajar wajib membuat semakan kelayakan menduduki peperiksaan akhir melalui portal pelajar dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

9.4.2 Pelajar yang layak sahaja dibenarkan menduduki peperiksaan akhir.

9.5 Syarat Menduduki Peperiksaan Akhir dan Melengkapkan Projek Ilmiah

9.5.1 Pelajar wajib memenuhi 80% kehadiran jam temu yang ditentukan bagi sesuatu kursus.

9.5.2 Sekiranya pelajar tidak mematuhi **Perkara 9.5.1** bagi mana-mana kursus dan telah disahkan oleh Fakulti, pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir atau tidak layak melengkapkan Projek Ilmiah dan akan diberi nilai gred 0.00 (Gred F).

- 9.5.3 Pelajar **WAJIB** menjelaskan yuran pengajian sebelum menduduki peperiksaan.
- 9.5.4 Pelajar wajib mematuhi semua peraturan peperiksaan seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti.

9.6 Peperiksaan Khas

9.6.1 Peperiksaan Khas boleh diadakan dengan kelulusan Universiti untuk pelajar-pelajar dalam situasi seperti berikut:

- i) Pelajar semester akhir yang berada dalam Kedudukan Baik (KB), tetapi gagal dalam dua (2) kursus pada semester akhir atau mana-mana semester dengan syarat kursus berkenaan telah diambil setiap kali ia ditawarkan; atau
- ii) Pelajar yang gagal menduduki peperiksaan akhir dengan sebab-sebab yang telah diluluskan oleh Lembaga Akademik Fakulti.

9.6.2 Pelajar yang telah diluluskan untuk menduduki peperiksaan khas **WAJIB** menduduki peperiksaan khas mengikut ketetapan yang dibuat oleh Universiti.

9.6.3 Pelajar yang gagal menduduki peperiksaan khas akan diberi nilai gred 0.00 (Gred F).

9.6.4 Markah Peperiksaan Khas akan diambilkira seperti berikut:-

- i) Bagi **Perkara 9.6.1 (i)**, markah Peperiksaan Khas sahaja akan diambilkira dalam pengiraan PNG dan HPNG dengan gred maksimum C;
- ii) Bagi **Perkara 9.6.1 (ii)**, markah Peperiksaan Khas akan menentukan markah peperiksaan akhir dan markah kerja kursus adalah kekal.

9.6.5 Pelajar perlu membayar wang proses sebanyak RM50.00 untuk menduduki Peperiksaan Khas tersebut.

9.6.6 Peperiksaan Khas akan dijalankan dalam tempoh dua (2) minggu pertama kuliah semester berikutnya.

9.7 Peperiksaan Semula

9.7.1 Universiti berhak mengadakan Peperiksaan Semula pada bila-bila masa sekiranya perlu dalam keadaan seperti berikut:-

- i) Berlaku kebocoran soalan peperiksaan akhir;
- ii) Calon tidak dapat menduduki peperiksaan akhir kerana bencana alam;
- iii) Arahan Naib Canselor.

9.8 Keputusan Peperiksaan

9.8.1 Universiti akan mempamerkan gred kursus dalam tempoh yang ditetapkan. Pelajar yang layak sahaja boleh membuat semakan keputusan peperiksaan.

9.9 Kedudukan Akademik

9.9.1 Prestasi akademik pelajar ditunjukkan oleh Purata Nilai Gred (PNG) dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG).

i) Purata Nilai Gred (PNG)

PNG adalah purata nilai gred yang diperoleh oleh seseorang pelajar pada penghujung setiap semester. Formula mengira PNG pelajar bagi sesuatu semester adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred keseluruhan untuk semester berkenaan}}{\text{Jumlah Kredit semua kursus untuk semester berkenaan}}$$

$$\text{Jumlah Nilai Gred} = \text{Nilai Gred} \times \text{Kredit}$$

Contoh 1 : Pengiraan PNG Semester 1

Kursus	Gred	Nilai Gred	Kredit	Jumlah Nilai Gred
ZIS 1133	B	3.0	3	9.0
KAS 1103	B+	3.5	3	10.5
KAS 1123	C+	2.5	3	7.5
ZES 1133	B	3.0	3	9.0
KAS 1101	A	4.0	1	4.0
KAS 1102	B+	3.5	2	7.0
		JUMLAH	15	47.0

$$\text{PNG} = 47.0 / 15 = 3.13$$

Contoh 2 : Pengiraan PNG Semester 2

Kursus	Gred	Nilai Gred	Kredit	Jumlah Nilai Gred
KAS 1343	B+	3.5	3	10.5
KMS 1323	B	3.0	3	9.0
KMS 1342	A	4.0	2	8.0
KAS 1363	D	1.0	3	3.0
ZES 1343	C+	2.5	3	7.5
KAS 1302	B	3.0	2	6.0
		JUMLAH	16	44.0

$$\text{PNG} = 44 / 16 = 2.75$$

ii) Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG)

HPNG adalah merupakan mata peratus himpunan purata nilai gred yang dicapai oleh seseorang pelajar dalam semua peperiksaan bagi semua kursus yang telah diambilnya. Formula mengira HPNG adalah:-

$$\text{HPNG} = \frac{\text{Jumlah Semua Nilai Gred keseluruhan yang diperolehi}}{\text{Jumlah Semua Kredit Jumlah Kredit semua kursus yang telah diambil}}$$

Contoh 3 : Pengiraan HPNG

Semester 1 (lihat contoh 1)

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Nilai Gred keseluruhan} &= 47.00 \\ \text{Jumlah Kredit semua kursus} &= 15 \end{aligned}$$

Semester 2 (lihat contoh 2)

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Nilai Gred keseluruhan} &= 44.00 \\ \text{Jumlah Kredit semua kursus} &= 16 \end{aligned}$$

$$\text{HPNG} = \frac{(47 + 44)}{(15 + 16)} = 2.93$$

9.9.2 Kedudukan akademik pelajar ditentukan di akhir tiap-tiap semester dengan menggunakan kedudukan HPNG seperti di Jadual 9.1.

Jadual 9.1 : Kedudukan Akademik

Kedudukan	HPNG	Keterangan
Cemerlang (KC)	3.60 dan ke atas (HPNG ≥ 3.60)	Boleh meneruskan pengajian
Baik (KB)	Dari 2.00 sehingga 3.59 (2.0 ≤ HPNG ≤ 3.59)	Boleh meneruskan pengajian
Bersyarat (KS)	Dari 1.70 sehingga 1.99 (1.70 ≤ HPNG ≤ 1.99)	Boleh meneruskan pengajian dengan hanya mengambil 12 jam kredit maksimum bagi Semester Panjang dan 6 jam kredit bagi Semester Pendek Bagi pelajar yang mendapat KS tiga (3) semester berturut-turut tidak termasuk Semester Pendek akan diberi Kedudukan Gagal (KG)
Gagal (KG)	Kurang dari 1.70 (HPNG < 1.70)	Diberhentikan

9.10 Rayuan Semakan Semula Keputusan Gred Kursus

- 9.10.1 Pelajar hanya boleh memohon semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir gred kursus bagi setiap kursus dan perlu dilakukan dalam minggu pertama kuliah semester berikutnya.
- 9.10.2 Semakan semula gred kursus hanya dibenarkan bagi kursus-kursus yang mempunyai peperiksaan akhir sahaja.
- 9.10.3 Perubahan gred kursus adalah muktamad tertakluk kepada keputusan Senat.
- 9.10.4 Bayaran sebanyak RM100.00 akan dikenakan bagi setiap satu kursus yang dimohon untuk semakan semula.

9.11 Rayuan Meneruskan Pengajian

- 9.11.1 Pelajar dalam Kedudukan Gagal (KG) boleh membuat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Akademik Universiti melalui Fakulti bermula selepas Mesyuarat Senat sehingga hari ketiga minggu pertama kuliah.
- 9.11.2 Lembaga Akademik Fakulti mempunyai bidang kuasa memberi pertimbangan dan kelulusan kepada pelajar tahun pertama (1) semester pertama (1) yang berada dalam Kedudukan Gagal (KG) dan memperolehi HPNG 1.50 - 1.69 untuk meneruskan pengajian.
- 9.11.3 Pelajar Semasa yang berstatus Diberhentikan boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Akademik Universiti melalui Fakulti bermula selepas Mesyuarat Senat sehingga hari ketiga minggu pertama kuliah.
- 9.11.4 Pelajar yang lulus dalam rayuan akan dikenakan syarat-syarat berikut :
 - i) Bagi semester panjang, tempoh Daftar Diri adalah selewat-lewatnya pada minggu kedua (2) kuliah semester semasa;
 - ii) Bagi semester pendek, pelajar diberi status Tangguh Pengajian secara automatik
- 9.11.5 Pelajar yang gagal dalam rayuan akan diberi status Diberhentikan.

9.12 Transkrip dan Sijil

- 9.12.1 Pelajar yang telah berstatus Bergraduat layak untuk memohon mini transkrip dan surat tamat pengajian sebelum Istiadat Konvokesyen.
- 9.12.2 Transkrip dan sijil hanya diserahkan kepada pelajar selepas Istiadat Konvokesyen.
- 9.12.3 Permohonan cetakan semula transkrip gantian atau transkrip pendua akan dikenakan bayaran proses sebanyak RM30.00.

- 9.12.4 Permohonan cetakan semula sijil gantian akan dikenakan bayaran proses sebanyak RM100.00.

10.0 PENYELEWENGAN AKADEMIK

10.1 Penyelewengan Akademik

- 10.1.1 Pelajar yang melakukan salah laku akademik boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (AKTA 555) & Peraturan-Peraturan dan Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor;

- 10.1.2 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana penyelewengan akademik berikut:-

- i) Menciplak/Plagiat;
- ii) Menipu atau cubaan menipu dalam kerja kursus/peperiksaan/hasil akademik.

10.2 Tindakan Penyelewengan Akademik

- 10.2.1 Tindakan berikut akan diambil sekiranya penyelewengan akademik dilakukan:

- i) Gred X akan diberikan kepada semua kursus yang diambil oleh pelajar tersebut pada semester berkenaan;
- ii) Pelajar tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib;
- iii) Pelajar yang didapati bersalah akan dihukum berdasarkan Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor.

11.0 STATUS PENGAJIAN

11.1 Tangguh

- 11.1.1 Pelajar dibenarkan untuk memohon menangguh pengajian.
- 11.1.2 Pelajar boleh diberi status Tangguh atas sebab-sebab tertentu dengan kelulusan Universiti.
- 11.1.3 Pelajar yang telah mencapai tempoh pengajian maksimum tetapi belum bergraduat perlulah mengikuti struktur program terkini sebelum tamat pengajian tertakluk pada kelulusan Senat.
- 11.1.4 Tempoh akhir permohonan Tangguh adalah pada minggu kesembilan kuliah bagi semester panjang dan minggu kelima kuliah bagi semester pendek.

- 11.1.5 Bayaran proses sebanyak RM50.00 akan dikenakan bagi setiap permohonan.
- 11.1.6 Permohonan Tangguh perlu dilakukan dalam semester semasa atau semester sebelum.
- 11.1.7 Tangguh hanya boleh diluluskan sebanyak dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- 11.1.8 Pelajar Antarabangsa dibenarkan Tangguh tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Malaysia.
- 11.2 Berhenti
- 11.2.1 Pelajar yang berhasrat untuk Berhenti perlu mengemukakan permohonan kepada Fakulti.
- 11.2.2 Pelajar Antarabangsa yang berhasrat untuk Berhenti perlu mematuhi peraturan semasa Universiti dan perlu merujuk Pusat Pelajar Antarabangsa Universiti.
- 11.3 Diberhentikan
- 11.3.1 Pelajar boleh Diberhentikan kerana perkara-perkara berikut:-
- i) Tidak mencapai tahap lulus dalam pengajian dan gagal dalam permohonan rayuan; atau
 - ii) Gagal mendaftar di bawah kaedah pendaftaran semester atau program; atau
 - iii) Tidak memenuhi syarat kelayakan masuk.
- 11.3.2 Pelajar Antarabangsa yang Diberhentikan adalah tertakluk kepada syarat dan prosedur Universiti dan Pihak Berkuasa Kerajaan Malaysia.
- 11.4 Disingkirkan
- 11.4.1 Pelajar yang disabitkan kesalahan boleh disingkir dari Universiti mengikut Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor dan akan diberikan status Disingkirkan.
- 11.4.2 Pelajar dibenarkan membuat rayuan dalam tempoh yang ditetapkan.

11.5 Digantung

11.5.1 Pelajar yang disabitkan kesalahan boleh digantung daripada meneruskan pengajian mengikut Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor dan akan diberikan status Digantung.

11.5.2 Pelajar boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh yang ditetapkan.

11.6 Tidak Aktif Sementara

11.6.1 Pelajar yang tidak melakukan Daftar Diri disebabkan kursus tidak ditawarkan dalam mana-mana semester semasa akan diberi status TIDAK AKTIF SEMENTARA.

11.6.2 Fakulti akan menentukan pelajar yang akan diberi status tersebut.

11.7 Lengkap

11.7.1 Pelajar yang telah memenuhi jam kredit untuk bergraduat akan diberikan status LENGKAP.

11.7.2 Jam kredit bergraduat bergantung kepada jumlah jam yang perlu diambil bagi setiap program sepertimana yang telah ditetapkan.

11.8 Bergraduat

11.8.1 Pelajar akan diberikan status Bergraduat setelah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Lulus semua kursus di dalam struktur pengajian sesuatu program;
- ii) Mendapat HPNG sekurang-kurangnya 2.00;
- iii) Memenuhi semua syarat bergraduat universiti;
- iv) Telah disahkan oleh Senat.

11.9 Tidak Aktif

11.9.1 Pelajar WAJIB Daftar Diri pada setiap semester dalam tempoh yang ditetapkan mengikut prosedur Daftar Diri Pelajar Semasa.

11.9.2 Pelajar yang gagal melakukan Daftar Diri dalam tempoh yang ditetapkan akan diberikan status Tidak Aktif.

11.9.3 Pelajar yang berstatus Tidak Aktif dibenarkan Daftar Diri dengan Denda Lewat Daftar Diri sehingga satu tempoh yang ditetapkan (sila rujuk **Jadual 5.1**).

11.9.4 Pelajar yang berstatus Tidak Aktif boleh diberikan status Diberhentikan jika masih gagal melaporkan diri dalam tempoh yang ditetapkan.

11.10 Praktikal

11.10.1 Pelajar diberi status Praktikal pada semester kedua semasa menjalani Latihan Industri/Latihan Klinikal/Praktikum yang melangkaui satu semester.

12.0 BERGRADUAT

12.1 Syarat-syarat Bergraduat Universiti

12.1.1 Pelajar layak Bergraduat setelah syarat-syarat berikut dipenuhi;

- i) Memperoleh jumlah kredit yang ditetapkan dan berada sekurang-kurangnya dalam Kedudukan Baik (KB);
- ii) Telah memiliki keputusan MUET bagi program sarjana muda dan minimum Band 4 untuk pelajar Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua;
- iii) Kredit Bahasa Melayu peringkat SPM; atau
- iv) Lulus Bahasa Melayu peringkat SPM dan prinsipal Bahasa Melayu peringkat STPM; atau
- v) Lulus kursus Bahasa Kebangsaan A dengan sekurang-kurangnya Gred C bersamaan markah 50%;
- vi) Bebas daripada tindakan tatatertib;
- vii) Diperakui oleh Senat.
- viii) **Perkara 12.1.1 (ii)** sehingga **Perkara 12.1.1 (v)** hanya terpakai kepada pelajar tempatan. Pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada perkara selainnya dan dasar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Malaysia.

12.1.2 Surat Pengesahan Tamat Pengajian boleh dikeluarkan oleh Universiti setelah keputusan tamat pengajian diperaku oleh Senat.

12.2 Kelas Ijazah

12.2.1 Kelas Ijazah dianugerahkan berdasarkan kepada pencapaian HPNG terakhir seperti **Jadual 12.2**.


Jadual 12.2 : Pengkelasan Ijazah

Kelas Kepujian	Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG)
Pertama	3.60 - 4.00
Kedua (Tinggi)	3.00 - 3.59
Kedua (Rendah)	2.00 - 2.99

13.0 PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

13.1 Peruntukan Am

- 13.1.1 Pelajar WAJIB mematuhi semua peraturan akademik Universiti;
- 13.1.2 Peraturan akademik ini perlu dibaca bersama Buku Peraturan Tatatertib Pelajar atau mana-mana pekeliling/peraturan/arahan Universiti;
- 13.1.3 Senat berhak meminda peraturan akademik dari semasa ke semasa;
- 13.1.4 Jika wujud percanggahan, keputusan Senat adalah muktamad.



SENARAI JADUAL

BIL.	JADUAL	TAJUK JADUAL
1.	Jadual 2.1 (i)	Struktur Pembelajaran Program Asas
2.	Jadual 2.1 (ii)	Struktur Pembelajaran Program Diploma dan Sarjana Muda
3.	Jadual 2.2 (i)	Kalendar Pentadbiran Akademik Program Asas
4.	Jadual 2.2 (ii)	Kalendar Pentadbiran Akademik Program Diploma dan Sarjana Muda
5.	Jadual 3.1	Syarat Umum Kelayakan Masuk Mengikut Peringkat Pengajian
6.	Jadual 4.1	Tempoh Pengajian
7.	Jadual 5.1 (i)	Denda Lewat Daftar Diri bagi Semester Panjang
8.	Jadual 5.1 (ii)	Denda Lewat Daftar Diri bagi Semester Pendek
9.	Jadual 5.8 (i)	Denda Gugur Kursus bagi Semester Panjang
10.	Jadual 5.8 (ii)	Denda Gugur Kursus bagi Semester Pendek
11.	Jadual 7.1	Jumlah Kredit yang Dibenarkan
12.	Jadual 8.1	Skim Pemarkahan
13.	Jadual 8.2	Gred Lulus Kursus
14.	Jadual 9.1	Kedudukan Akademik
15.	Jadual 12.2	Pengkelasan Ijazah

**DISAHKAN OLEH
JAWATANKUASA SENAT SELANGOR (UNISEL)**

**PADA 30 OGOS 2012
PINDAAN PERTAMA
PADA 18 JUN 2014**

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SENAT SELANGOR**